

# Meningkatkan integriti perguruan

Oleh ROSNI HASSAN  
(WARTAWAN UTUSAN)

PROFESION perguruan menuntut banyak pengorbanan kerana tugas mendidik dan membesarkan anak-anak muda dalam era dunia tanpa sempadan ini tidak mudah serta memerlukan kecekalan selain tahap kesabaran dan ilmu pengetahuan yang tinggi.

Dalam senario hari ini yang mana generasi muda mudah terdedah kepada pelbagai permasalahan sosial dan pengaruh budaya luar yang cukup banyak, guru-guru perlu lebih bersedia untuk menanganinya, jika tidak mahu diperlekehkan oleh pelajar sendiri.

Mengambil kira guru sebagai kumpulan penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, mereka perlu meningkatkan taraf profesionalisme, ilmu pengetahuan dan keterampilan supaya ia memberi kekuatan dan kelebihan kepada kerjaya mereka.

Kerana cabaran profesion perguruan kini, pelbagai, iaitu dari aspek menyediakan tenaga pengajar yang sanggup mengajar di kawasan terpencil, masalah disiplin guru, kerenah ibu bapa pelajar hinggalah kepada menyediakan tenaga pengajar yang berkemahiran serta mampu memanfaatkan kemudahan teknologi di sekolah.

Semua itu perlu ditangani sebaik mungkin kerana harapan masyarakat kepada guru-guru amat tinggi.

Maka usaha untuk memartabatkan profesion perguruan yang menjadi amat

penting menuntut warga pendidik sendiri untuk berpegang kepada integriti dan kredibiliti supaya tidak ada pihak yang memperlekehkan mereka.

Dengan bilangan guru kira-kira 327,000 orang maka pelbagai masalah boleh wujud termasuk dari segi penempatan, pertukaran, tatatertib dan pelbagai isu berkaitan yang timbul dari semasa ke semasa.

Selain itu, perkara berkaitan kenaikan pangkat, skim perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan, peluang melanjutkan pelajaran dan kebajikan guru adalah antara isu semasa yang juga perlu diberi perhatian.

Justeru pada Persidangan Perkhidmatan Pendidikan anjuran Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) yang julung kalinya diadakan dan berakhir kelmarin, empat perkara utama digariskan dalam usaha untuk memartabatkan pendidikan negara dalam resolusi yang dihasilkan.

Kandungan resolusi itu ialah:-

● Persidangan bersependapat bahawa peningkatan kualiti guru adalah prasyarat kepada pembangunan sistem pendidikan yang bertaraf dunia.

● Persidangan juga bersetuju kedudukan sistem pendidikan di negara ini pada masa ini masih di tahap pembangunan dan sedang menuju ke arah apa yang dihasratkan oleh kerajaan.

● Persidangan juga memutuskan untuk mengadakan perbincangan secara berkala dan agensi yang terlibat iaitu SPP, Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan

agensi lain yang berkaitan.

● Persidangan juga bersetuju supaya semangat yang terkandung dalam Peruntukan 144 (1) Perlembagaan Persekutuan diterjemahkan ke arah menjadikan profesion perguruan lebih perkasa dan berintegriti agar usaha pembangunan modal insan mendapat asas yang kukuh.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang menutup persidangan itu kelmarin menyambut baik empat perkara yang digariskan itu dan memberi komitmen kementerian untuk membantu merealisasikan kandungan resolusi itu.

Ini kerana menurut Hishammuddin, peredaran masa membawa bersama pelbagai bentuk perubahan dan cabaran dalam profesion perguruan termasuk pengubahsuaian fungsi dan peranan guru.

Yang mana peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan bagi para pelajar telah bertukar kepada guru sebagai fasilitator dalam pengajaran dan pembelajaran, ejen perubahan dan sumber inspirasi kepada pelajar.

Selain itu, peningkatan jumlah murid setiap tahun juga membawa kepada keperluan pertambahan jumlah kelas dan sekolah, sekali gus lebih ramai guru yang sentiasa komited dengan tugas mereka diperlukan.

Dalam hubungan ini menurut Hishammuddin, Kementerian Pelajaran akan melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menggariskan perancangan kementerian un-

tuk tempoh lima tahun akan datang, bulan depan.

Yang mana dalam tempoh pelaksanaannya yang bermula dari tahun 2006 hingga 2010 itu iaitu tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), banyak isu berkaitan pembangunan fizikal dan prasarana pendidikan dijangka dapat diselesaikan.

"Saya sendiri akan menerajui dan melihat kedudukan guru dan bekerjasama dengan SPP supaya isu menyediakan tenaga pengajar yang terbaik dan menentukan lokasi mereka mengikut keperluan dapat ditangani dalam masa terdekat.

"Guru tidak boleh diabaikan dan saya sedar bahawa guru merupakan barisan yang paling penting untuk memastikan harapan kita untuk menyediakan anak-anak kita supaya mereka berada dalam keadaan terbaik apabila negara kita maju dapat dilaksanakan melalui pendidikan," kata Hishammuddin.

Tambah beliau, sememangnya menjadi dasar kementerian untuk memartabatkan profesion perguruan serta meningkatkan kebajikan, kerjaya dan kualiti guru.

Dan dalam melaksanakan dasar itu lima fokus utama digariskan iaitu menambah baik sistem pemilihan calon guru; memantapkan latihan perguruan; memantapkan kerjaya guru; menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru serta memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia.

um-19/9/2006